

## **Teori kepemimpinan transformasi menurut perspektif islam: Satu analisis**

### **ABSTRACT**

Teori kepemimpinan transformasi Burn 1978, Bass 1985, Leithwood 1994 dan Slocum dan Hellriegel 2007 seringkali dijadikan sebagai indikator kepada seseorang pemimpin khususnya dalam landskap kepemimpinan organisasi. Kepemimpinan transformasi dilihat sebagai sangat sesuai bagi menggantikan amalan kepemimpinan transaksi kerana ia dapat mengubah struktur organisasi mereka dari sistem kawalan berpusat, amalan kuasa hierarki yang mutlak, perbezaan status yang ketara di antara tahap-tahap autoriti serta proses membuat keputusan yang bersifat 'top-down' di mana pemimpin mempunyai kuasa mutlak membuat keputusan tanpa penglibatan subordinat. Ke kerapannya implementasinya dalam kepemimpinan organisasi menarik minat pengkaji untuk melihat apakah teori kepemimpinan transformasi ini selaras dengan tuntutan syarak? Justeru, kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk melihat teori kepemimpinan transformasi menurut perspektif Islam sama ada ia bertepatan dengan kehendak syarak ataupun sebaliknya. Kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen di mana pengkaji merujuk kepada kajian literatur berkaitan dengan kepemimpinan transformasi serta melihatnya menurut perspektif Islam dengan bertunjangkan kepada sumber rujukan utama dalam Islam iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Hasil dapatan kajian menunjukkan teori kepemimpinan transformasi seperti pertimbangan individu, kepemimpinan berkarisma, motivasi berinspirasi dan rangsangan intelektual adalah bertepatan dengan kehendak Islam. Walau bagaimanapun, pemahaman dan penekanan teori kepemimpinan ini tidaklah dikaitkan sepenuhnya dengan nilai-nilai keagamaan malah ia disandarkan kepada pengalaman dan buah fikiran pencipta asal teori kepemimpinan tersebut. Kajian ini mengharapkan agar pengaplikasian teori kepemimpinan transformasi perlulah disulami dengan kehendak syarak agar corak pentadbiran seseorang pemimpin itu mendapat keberkatan dan kerahmatan di dunia dan akhirat.